

02 OCT 2003

MAHATHIR-OIC

OIC BOLEH MENJADI KUASA EKONOMI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dengan aset melebihi AS\$200 bilion (RM760 bilion), boleh menjadi kuasa ekonomi yang dinamik dan padu dalam alaf baru ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dengan motivasi yang betul, individu, perniagaan dan syarikat akan meraih manfaat dengan menjalankan inisiatif-inisiatif perdagangan yang cergas di kalangan negara OIC," katanya dalam pesanan hari ini sempena pelancaran Direktori Perdagangan OIC esok.

Direktori itu dilancarkan sempena Sidang Kemuncak OIC Ke-10 yang akan diadakan di Putrajaya pada 11-18 Okt. ini.

Dr Mahathir berkata OIC merupakan penjaga lebih dua pertiga rizab minyak dunia. Selain itu, terdapat 200 institusi kewangan Islam di seluruh dunia.

Terdapat juga lebih 100 syarikat multinasional yang berasal dari negara Islam dengan nilai aset terkumpul lebih AS\$200 bilion.

Perdana menteri berkata pasaran Islam menawarkan peluang yang menarik dan mencabar kepada perniagaan-perniagaan Malaysia memenuhi permintaan sedunia untuk produk dan perkhidmatan berkualiti.

Bagi membolehkan perdagangan di kalangan 57 anggota OIC berkembang, maklumat yang bermakna dan boleh dipercayai seperti Direktori Perdagangan OIC memang diperlukan untuk menghubungkan ejen-ejen permintaan dan bekalan.

Beliau berkata Direktori Perdagangan OIC rasmi ini juga akan menjadi nadi aktiviti yang dinamik untuk mencari jalan dan peluang bagi masyarakat perniagaan Malaysia menembusi pasaran berpotensi di kalangan masyarakat Islam dunia. -- BERNAMA

MR SD JR